

LAPORAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

Nama Tajuk Inovasi

EDURIDE

(Ride App For PreSchool Students)

Aplikasi Pengangkutan : Murid Prasekolah

Nama Institusi

University Selangor (UNISEL)

Penerangan Hasil Inovasi: -

- **Pengenalan:**

Memperkenalkan EduRide aplikasi pintar yang direka khas untuk memastikan keselamatan kanak-kanak ketika mereka dalam perjalanan ke dan dari sekolah. Dengan ciri-ciri canggih seperti status penjejakan secara langsung, pengecaman wajah, dan sistem pintar EduTag, aplikasi ini memberikan ketenangan fikiran kepada ibu bapa yang risau tentang keselamatan dan keberadaan anak-anak mereka.

EduTag adalah alat penjejak GPS yang membolehkan ibu bapa memantau lokasi anak mereka secara langsung dari saat mereka menaiki kenderaan ; van sehinggalah mereka tiba dengan selamat di destinasi.

Setiap van EduRide turut dilengkapi dengan GPS / CCTV yang membolehkan pihak pembangun aplikasi (Admin) memantau perjalanan secara langsung, memastikan keselamatan pelajar sentiasa terjamin. Dengan gabungan teknologi inovatif ini, EduRide memastikan setiap perjalanan dipantau dengan rapi, memberikan ibu bapa keyakinan penuh bahawa anak mereka berada dalam jagaan yang selamat.

- **Tarikh Inovasi Dihasilkan:**

8hb April 2024 - 24hb Februari 2025

- **Tujuan Projek Inovasi:**

Projek ini bertujuan untuk membangunkan satu aplikasi pengangkutan yang komprehensif dan selamat, khusus untuk meningkatkan keselamatan, kemudahan, dan komunikasi antara ibu bapa, pemandu, dan guru.

Melalui aplikasi ini, ibu bapa dapat menetapkan jadual penghantaran anak-anak mereka dengan mudah, memantau lokasi mereka secara langsung, dan menerima pemberitahuan setiap kali anak mereka dihantar dan tiba dengan selamat ke destinasi.

- **Proses Pelaksanaan Inovasi:**

Jabatan Seni Visual (Universiti Selangor) : In-house

- **Proses Sebelum:**

Keselamatan kanak-kanak ketika pergi dan pulang dari sekolah kini menjadi satu kebimbangan yang semakin serius. Kes-kes seperti gangguan seksual, penculikan, dan kehilangan kanak-kanak semakin meningkat, menimbulkan kegusaran besar dalam kalangan ibu bapa.

Di samping itu, gaya hidup moden yang sibuk menyebabkan ramai ibu bapa tidak dapat memantau secara langsung perjalanan anak-anak mereka ke sekolah. Situasi ini menambah kebimbangan, terutamanya apabila berlaku kelewatan, perubahan laluan, atau kegagalan komunikasi dengan pihak pengangkutan. Atas faktor ini, satu penyelesaian yang lebih selamat dan berkesan amat diperlukan.

Kajian lapangan secara bersemuka dan temubual kepada responden telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan dan input untuk menghasilkan aplikasi ini.

- **Proses Selepas:**

Berhadapan dengan isu keselamatan kanak-kanak yang semakin membimbangkan, aplikasi EduRide hadir sebagai penyelesaian terbaik untuk ibu bapa yang sibuk.

Dengan kelebihan ciri keselamatan seperti pengecaman wajah dan penjejak GPS EduTag, ibu bapa kini boleh memantau perjalanan anak mereka ke sekolah dengan mudah.

Melalui sistem penjadualan yang ringkas dan berkesan, ibu bapa tidak lagi perlu risau tentang individu yang diamanahkan untuk menghantar atau mengambil anak mereka.

Kewujudan aplikasi pintar EduRide dapat memastikan perjalanan ke sekolah lebih selamat, mudah, dan terjamin.

- **Kumpulan Sasar:**

Aplikasi pintar EduRide ini menyasarkan ibu bapa yang mempunyai anak kecil yang bersekolah di peringkat prasekolah dan sekolah rendah.

Selain itu, ia turut menyasarkan pemandu yang terlibat dalam perkhidmatan pengangkutan pelajar serta guru yang bertanggungjawab dalam pemantauan kehadiran murid.

- **Skop Liputan:**

Skop projek ini merangkumi pembangunan aplikasi EduRide yang menyediakan ciri-ciri utama seperti penjadualan perjalanan, pengecaman wajah untuk keselamatan, penjejak GPS melalui EduTag, serta sistem penjejakan dan notifikasi secara langsung untuk memaklumkan status perjalanan anak kepada ibu bapa. Selain itu, setiap van yang berdaftar dengan EduRide akan dilengkapi dengan CCTV yang boleh dipantau oleh pihak admin bagi memastikan keselamatan murid sepanjang perjalanan pergi dan balik dari sekolah.

- **Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar:**

Elemen Inovatif/Kreatif





EduRide menampilkan gabungan teknologi pintar seperti penjejakan GPS masa nyata (Real-time), sistem pengecaman wajah (Face recognition), dan pemasangan CCTV dalam van bagi memastikan keselamatan pelajar lebih terjamin. EduTag, sebagai penjejak GPS khas untuk pelajar, merupakan inovasi yang membolehkan ibu bapa memantau pergerakan anak mereka dengan lebih tepat dan teliti. Gabungan teknologi ini menawarkan pendekatan yang lebih moden dan berkesan dalam menguruskan keselamatan pelajar prasekolah.

Penciptaan Nilai

EduRide memperkenalkan sistem penjadualan penjemputan dan penghantaran yang fleksibel, membolehkan ibu bapa menguruskan masa dengan lebih baik. Sistem kehadiran digital yang dihubungkan dengan aplikasi juga merupakan elemen baharu yang membantu guru mencatat kehadiran dengan lebih pantas dan tepat. Semua ciri ini adalah penambahbaikan ketara berbanding kaedah manual yang lebih berisiko dan kurang cekap.



Elemen Mempermudahkan

Aplikasi pintar EduRide menyelesaikan masalah utama yang dihadapi ibu bapa yang sibuk dengan menyediakan kemudahan untuk menetapkan jadual anak mereka secara digital, tanpa perlu berkomunikasi secara manual dengan pihak pemandu atau sekolah. Selain itu, pemberitahuan masa nyata mengurangkan kebimbangan ibu bapa tentang lokasi dan keselamatan anak mereka, menjadikan EduRide sebagai penyelesaian yang komprehensif dan berkesan.



- Contoh antara muka (Interface) bagi setiap pengguna aplikasi EduRide

- Contoh antara muka (Interface) bagi setiap pengguna aplikasi EduRide



Elemen Keberkesanan:-

- Faedah Nyata yang Diperoleh

Ibu bapa dapat memantau lokasi anak mereka secara langsung, memberikan mereka ketenangan fikiran setiap kali anak mereka dalam perjalanan ke dan dari sekolah.

Sistem pengecaman wajah memastikan hanya pelajar yang berdaftar dibenarkan menaiki van, sekali gus mengurangkan risiko kehilangan atau penculikan.

Van EduRide turut dilengkapi dengan CCTV yang dipantau oleh pihak pentadbiran bagi memastikan keselamatan pelajar sentiasa terjamin sepanjang perjalanan.

- Peningkatan Produktiviti dan Kepuasan

Ibu bapa kini tidak lagi perlu risau tentang jadual kerja yang padat kerana mereka boleh menetapkan jadual penghantaran dan pengambilan anak mereka dengan mudah melalui aplikasi.

Guru juga mendapat manfaat kerana sistem kehadiran digital mengurangkan kesilapan manual dalam mencatat kehadiran pelajar. Manakala bagi pemandu, mereka dapat lebih fokus pada pemanduan kerana semua maklumat tentang laluan, jadual pelajar, dan pengesahan penumpang tersedia didalam aplikasi.

- **Penjanaan Pendapatan**

Selain meningkatkan keselamatan dan kecekapan, aplikasi EduRide berpotensi membuka peluang untuk menerajui pendigitalan aplikasi secara *mobile* kepada pemandu dan kakitangan sokongan yang berperanan dalam menguruskan operasi harian aplikasi ini.

Namun, buat masa ini, EduRide masih merupakan sebuah prototaip berfideliti tinggi yang berpotensi untuk dilaksanakan dengan sokongan pihak berkaitan pada masa akan datang.

- **Elemen Signifikan:-**

Aplikasi EduRide direka dengan antara muka yang mudah digunakan, memastikan ibu bapa, guru, dan pemandu dapat mengakses maklumat penting dengan pantas. Notifikasi secara langsung, kemas kini lokasi, serta sistem jadual yang fleksibel memberikan pengalaman pengguna yang selesa dan memuaskan.

Dengan sistem yang automatik, ibu bapa tidak lagi perlu menghubungi pihak sekolah atau pemandu untuk mengatur jadual penghantaran atau pengambilan anak mereka. Guru juga tidak perlu mencatat kehadiran secara manual kerana semuanya direkodkan secara digital.

Sebagai satu prototaip berketepatan tinggi, EduRide berpotensi untuk mencapai matlamat utama iaitu meningkatkan keselamatan pelajar melalui teknologi pintar seperti pengecaman wajah dan penjejak GPS EduTag dan pemantauan CCTV.

- **Elemen Relevan:-**


Sumbangan kepada Agenda Organisasi/Nasional

EduRide menyokong inisiatif keselamatan kanak-kanak dengan memperkenalkan teknologi pintar seperti pengecaman wajah dan penjejak GPS EduTag, dan pemantauan CCTV. Langkah ini selaras dengan usaha kerajaan dalam memperkukuh keselamatan pelajar di Malaysia, khususnya dalam sistem pengangkutan sekolah yang lebih teratur dan terkawal. Selain itu, aplikasi ini membantu pihak sekolah dalam menguruskan kehadiran murid dengan lebih cekap melalui sistem digital yang lebih sistematik.

Pengiktirafan Diterima

Pengiktirafan di peringkat Fakulti :

- Best Product Categories : Best Award (Mobile APPs)
- Overall Award : Pingat Gangsa (Bronze)



- **Penutup:**

Sebagai penutup, EduRide hadir sebagai solusi inovatif yang menitikberatkan keselamatan pelajar semasa perjalanan ke sekolah. Dengan teknologi terkini seperti EduTag untuk pengecaman wajah dan penjejak GPS EduTag, dan pemantauan CCTV di dalam van, EduRide menawarkan kaedah yang lebih selamat dan teratur dalam pengurusan pengangkutan pelajar.

Walaupun masih dalam bentuk prototaip, potensi EduRide untuk berkembang dengan sokongan pihak berkaitan amat besar. Dengan gabungan ciri pintar dan sistem pemantauan yang berkesan, EduRide mampu menjadi platform yang bukan sahaja memudahkan ibu bapa tetapi juga memastikan anak-anak mereka selamat setiap masa.

Inisiatif ini diharap dapat menjadi langkah proaktif ke arah memperkasa keselamatan dan kesejahteraan pelajar di Malaysia

LINK VIDEO : YOUTUBE

<https://youtu.be/PQBRcmSc5dM>